

Ekuinas beli Orkim, CoolBlog

» *Labur*

*RM400 juta
perluas portfolio
syarikat*

Oleh **Ahmad Fiesal Othman**
fsal@bh.com.my

Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) melabur hampir RM400 juta dalam Orkim Sdn Bhd dan CoolBlog Sdn Bhd bagi mengembangkan lagi portfolionya dalam sektor minyak dan gas (O&G) serta makanan dan minuman (F&B).

Syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan itu berkata, ia melabur sebanyak RM346.3 juta untuk membeli sehingga 95.5 peratus kepentingan dalam Orkim, iaitu pengendali kapal tangki produk petroleum bersih (CPP).

Sementara itu, cabang runcit F&B Ekuinas, Integrated Food Group Sdn Bhd pula melabur RM50.8 juta bagi membeli 60 peratus ekuiti dalam CoolBlog, francais pencuci mulut dan minuman tempatan.

Langkah itu katanya, sejajar dengan strategi Ekuinas untuk memperoleh aset boleh jual atau bukan teras syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat senaraian awam.

"Pelaburan dalam Orkim dijangka selesai pada suku keempat 2014," katanya dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Platform syarikat

Mengulas pelaburan Ekuinas dalam Orkim, Pengerusinya, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda, berkata pihaknya gembira dengan pelaburan dalam Orkim yang mempunyai pengurusan yang mantap dan memaparkan rekod pertumbuhan kukuh.

Ia juga katanya membolehkan Ekuinas menyertai industri pengangkutan petroleum yang berkembang dengan begitu dinamik, terutama pengangkutan Gas Asli Cecair (LPG), yang ketika ini didominasi syarikat asing.

"Pelaburan ini juga menyediakan peluang dan platform kepada Ekuinas untuk membantu membangunkan Orkim menjadi kumpulan pengangkutan



"Pelaburan ini juga menyediakan peluang dan platform kepada Ekuinas untuk membantu membangunkan Orkim menjadi kumpulan pengangkutan petroleum dan logistik utama pada masa hadapan"

Raja Arshad Raja Uda,
Pengerusi Ekuiti Nasional Bhd

petroleum dan logistik utama pada masa hadapan, sejajar matlamat Ekuinas untuk mengubah syarikat Malaysia bersaiz sederhana menjadi syarikat peneraju pasaran pada masa akan datang," katanya.

Bantu usahawan

Sementara itu, mengulas pelaburan Ekuinas dalam CoolBlog, Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata ia akan membolehkan Ekuinas bekerjasama dengan usahawan kecil Malaysia dan Bumiputera serta membantu mereka mewujudkan pendapatan yang mapan.

"Fokus kami ialah untuk terus mengembangkan rangkaian CoolBlog dengan berperanan sebagai pemangkin dalam membantu lebih ramai usahawan, terutama Bumiputera menjadi pemegang lesen dan mengembangkan francais itu," katanya.